

DBKL sita barangan penjaja tanpa lesen, skuter halang lalu lintas

KUALA LUMPUR -

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melaksanakan tindakan sitaan terhadap penjaja tanpa lesen dan skuter 'Beam' yang menghalang lalu lintas di beberapa lokasi di ibu kota pada Isnin.

Operasi yang dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Bukit Bintang DBKL itu memberi tumpuan di Jalan Ampang, Jalan P Ramlee, Jalan Pinang dan Jalan Bukit Bintang.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan, sebanyak 12 kes tindakan sita telah dilakukan dalam operasi khas itu mengikut peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Antara barangan yang disita termasuklah meja, kerusi plastik, pakaian, skuter, payung dan peralatan lain yang mengganggu laluan awam," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut DBKL, semua



DBKL mengambil tindakan sitaan skuter yang menghalang lalu lintas di ibu kota pada Isnin.

barangan yang disita telah dibawa ke Stor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tujuan rekod dan dokumentasi.

MBSA turut menegaskan akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dan pemantauan secara berterusan di kawasan-kawasan tumpuan yang telah dikenal pasti.

Orang awam yang mempunyai sebarang aduan atau maklumat diminta untuk menghubungi DBKL melalui pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>